

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KEEMPATBELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : YB TUAN WILLIAM LEONG JEE KEEN
(SELAYANG)**

TARIKH : 2 DISEMBER 2021 (KHAMIS)

SOALAN

**TUAN WILLIAM LEONG JEE KEEN [SELAYANG] minta MENTERI
DALAM NEGERI menyatakan :-**

(a) kriteria untuk menyenaraikan kumpulan pegganas; dan

(b) alasan-alasan penyenaiaian atau tidak menyenaraikan Al Shabaab Somalia dan Harimau Pembebasan Tamil Eelam (LTTE) sebagai organisasi-organisasi pegganas.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Bagi menjawab soalan pertama, kriteria bagi penyenaiaan sesuatu entiti sebagai kumpulan pengganas adalah berdasarkan kepada lunas perundangan yang sedang berkuatkuasa iaitu Seksyen 66B (1), Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan Dan Hasil Daripada Aktiviti Haram 2001. Kriteria yang ditetapkan adalah apabila suatu entiti telah dengan disedarinya melakukan, mencuba untuk melakukan, mengambil bahagian dalam pelakuan atau memudahkan pelakuan, suatu perbuatan keganasan; ataupun apabila suatu entiti sedang dengan disedarinya bertindak bagi pihak, mengikut arahan, atau dengan bersekutu dengan, suatu entiti seperti yang dinyatakan tadi.

Manakala bagi soalan kedua pula kumpulan Al-Shabab dan kumpulan Liberation Tigers of Tamil Eelam (LTTE) telah disenaraikan sebagai Entiti Ditentukan sejak tahun 2014 dan masih kekal sehingga ke hari ini.